



جَابَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اَلْاِغَامَا اِلِسْلَامِ نِغِري سِمْبِلَانَ  
**JHEAINS**  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

## **GARIS PANDUAN**

- 1** PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU  
DI NEGERI SEMBILAN
- 2** PENGGUNAAN MASJID LAMA  
DI NEGERI SEMBILAN
- 3** IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM  
DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN
- 4** PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN  
KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/  
SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN





## **GARIS PANDUAN**

- 1** **PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU  
DI NEGERI SEMBILAN**
- 2** **PENGGUNAAN MASJID LAMA  
DI NEGERI SEMBILAN**
- 3** **IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM  
DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN**
- 4** **PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN  
KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/  
SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

1. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI SEMBILAN
2. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MASJID LAMA DI NEGERI SEMBILAN
3. GARIS PANDUAN IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN
4. GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**Cetakan Pertama: Januari 2023**

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar ke dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pihak penerbit

Diterbitkan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan  
Bangunan MPS Lama, Jalan Yamtuan  
70000 Seremban, Negeri Sembilan  
<http://jheains.ns.gov.my>

# KANDUNGAN

## **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN**

### **MASJID DAN SURAU DI NEGERI SEMBILAN ..... 1**

1. Pendahuluan .....	2
2. Latar Belakang .....	2
3. Tujuan .....	3
4. Tafsiran .....	3
5. Dasar .....	4
5.1 Penggunaan Masjid dan Surau .....	4
5.2 Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah.....	4
5.3 Penganjuran Program di Masjid dan Surau .....	5
5.3.1 Tauliah Mengajar Agama .....	5
5.3.2 Kebenaran Penganjuran Program .....	6
5.3.3 Khatib dan Khutbah Jumaat.....	6
5.3.4 Peraturan Mengadakan Aktiviti atau Program Dalam Kawasan Masjid dan Surau.....	7
6. Pematuhan dan Penguatkuasaan .....	8
7. Tarikh Berkuatkuasa.....	8

Carta Aliran Kerja Permohonan Kelulusan Penganjuran Program/ Ceramah .....	9
---	---

Contoh Borang Permohonan Kelulusan Penganjuran Program/ Ceramah .....	10
--	----

### **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MASJID LAMA DI NEGERI SEMBILAN ..... 13**

1. Pendahuluan.....	14
2. Latar Belakang.....	14
3. Tujuan .....	15
4. Dasar Pentadbiran.....	15
5. Fungsi dan Penggunaan Masjid Lama .....	17
6. Pematuhan dan Penguatkuasaan .....	18
7. Tarikh Berkuatkuasa.....	18

<b>GARIS PANDUAN IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN .....</b>	<b>19</b>
1. Pendahuluan.....	20
2. Latar Belakang.....	20
3. Tujuan.....	20
4. Dasar .....	21
4.1 Panduan Beriktikaf di Masjid .....	21
4.2 Panduan Bermalam di Surau .....	22
4.3 Penganjuran Program Iktikaf di Masjid dan Bermalam di Surau .....	23
6. Pematuhan dan Penguatkuasaan .....	24
7. Tarikh Berkuatkuasa.....	24

Carta Aliran Kerja Permohonan Kelulusan Penganjuran Program/ Ceramah .....	25
Contoh Borang Permohonan Kelulusan Penganjuran Program/ Ceramah .....	26

<b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.....</b>	<b>29</b>
1. Pendahuluan.....	30
2. Tujuan.....	30
3. Tatacara Dan Syarat-Syarat Permohonan .....	30
4. Tempoh Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Sumbangan/ Dana .....	33
5. Tindakan Setelah Kebenaran Diperolehi.....	33
6. Wang Pungutan Yang Tidak Dibelanjakan.....	35
7. Pembatalan Atau Penamatan.....	35
8. Tarikh Berkuatkuasa.....	35

Carta Aliran Kerja Permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana Negeri Sembilan Darul Khusus (Masjid/ Surau/ Tanah Perkuburan/ Institusi / Sekolah).....	36
Carta Aliran Kerja Permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana Negeri Sembilan Darul Khusus (Pertubuhan Bukan Kerajaan/ Agensi) .....	37
Contoh Borang Permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana Negeri Sembilan Darul Khusus .....	38





**GARIS PANDUAN  
PENGUNAAN MASJID DAN SURAU  
DI NEGERI SEMBILAN**



# GARIS PANDUAN PENGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI SEMBILAN

## 1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Penggunaan Masjid dan Surau di Negeri Sembilan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Masjid dan surau berperanan bukan hanya bagi tujuan umat Islam mendirikan solat, bahkan sebagai pusat perkembangan ilmu, penyebaran dakwah dan pusat aktiviti sosial. Selain itu masjid dan surau juga dijadikan tempat atau lokasi penganjuran pelbagai program kemasyarakatan, sama ada dianjurkan oleh agensi kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan.
- 2.2 Namun demikian terdapat kecenderungan daripada segelintir kumpulan yang menjadikan masjid dan surau sebagai platform untuk meraih kepentingan tertentu sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada jemaah, menggugat keharmonian seterusnya mencetuskan keresahan kepada masyarakat.
- 2.3 Oleh itu, bagi memastikan masjid dan surau dipelihara selari dengan fungsinya, Garis Panduan Penggunaan Masjid dan Surau di Negeri Sembilan diwujudkan sebagai panduan kepada pentadbir dan jawatankuasa pengurusan masjid dan surau seluruh Negeri Sembilan.

### 3. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan untuk:

- i. Memastikan masjid digunakan selaras dengan fungsinya sebagai pusat ibadat, pusat kegiatan ilmu dan pusat pembangunan ummah;
- ii. Memelihara masjid dan surau daripada unsur-unsur yang boleh memecah belahkan kesatuan ummah; dan
- iii. Menjadi panduan kepada pengurus dan pentadbir masjid dan surau dalam melaksanakan tanggungjawab dan fungsi masing-masing berdasarkan peraturan yang dikuatkuasakan.

### 4. TAFSIRAN

**“Enakmen Pentadbiran”** ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003;

**“Enakmen Jenayah”** ertinya Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992;

**“Jawatankuasa Kariah”** ertinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 104;

**“Kawasan Masjid”** ertinya kawasan yang telah diwartakan atau diwakafkan untuk masjid;

**“Kaedah-Kaedah”** ertinya Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Masjid (Negeri Sembilan) 2002 dan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Surau (Negeri Sembilan) 2002;

**“Majlis”** ertinya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan;

**“Masjid”** ertinya suatu bangunan-

- (a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang

lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan

- (b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan);

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

**“Pegawai Masjid”** ertinya Imam, Bilal atau Siak bagi sesuatu masjid;

**“Ruang Solat Utama”** ertinya ruang dewan yang secara *‘uruf* digunakan untuk solat fardhu berjemaah, solat Jumaat dan solat sunat yang lain;

## 5. DASAR

### 5.1 Penggunaan Masjid dan Surau

Masjid dan Surau di Negeri Sembilan hendaklah ditadbir urus seperti yang telah ditetapkan dalam Perkara 24, Kaedah-Kaedah yang menyatakan bahawa masjid hendaklah digunakan sebagai:-

- (a) Tempat untuk orang Islam beribadat, terutamanya untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, solat Jumaat dan solat-solat lain;
- (b) Pusat kegiatan agama Islam, pendidikan dan perkembangan serta pembangunan ummah; dan
- (c) Pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang Majlis dan maklumat lain.

### 5.2 Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah

- (a) Enakmen Pentadbiran seksyen 100 (1) dan (104) (1) menyatakan bahawa setiap masjid hendaklah ditadbirkan

oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah;

- (b) Selaras dengan seksyen 104 (1) Enakmen Pentadbiran, menyatakan bahawa Nazir sebagai Pengerusi sesuatu masjid hendaklah mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid itu; dan
- (c) Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) seperti yang tertakluk kepada Seksyen 103 Enakmen Pentadbiran dan Perkara 7 (1), Kaedah-Kaedah.

### **5.3 Penganjuran Program di Masjid dan Surau**

#### **5.3.1 Tauliah Mengajar Agama**

- (a) Mana-mana orang yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan agama Islam seperti memberi ceramah, kuliah dan seumpamanya di masjid dan surau hendaklah mempunyai tauliah mengajar agama yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan;
- (b) Sekiranya orang yang mengajar agama itu tidak mempunyai tauliah atau tauliah telah tamat tempoh, kebenaran khas hendaklah diperolehi daripada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan; dan
- (c) Subseksyen 53 (1) Enakmen Jenayah menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah Enakmen Pentadbiran seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### 5.3.2 Kebenaran Penganjuran Program

- (a) Mana-mana masjid dan surau yang ingin menganjurkan program ceramah, aktiviti sosial dan kemasyarakatan hendaklah mendapat kebenaran daripada Pegawai Agama Islam Daerah selewat-lewatnya 14 hari sebelum program dilaksanakan. **(Rujuk Carta Alir di lampiran)**
- (b) Masjid dan surau perlu mengisi borang permohonan kelulusan penganjuran program/ceramah yang disediakan oleh JHEAINS **(Seperti di lampiran)**.

### 5.3.3 Khatib dan Khutbah Jumaat

- (a) Mana-mana masjid dan surau yang ingin menjemput khatib jemputan hendaklah mendapat kebenaran daripada Pegawai Agama Islam Daerah selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh khatib membaca khutbah.
- (b) Setiap khatib yang bertugas hendaklah menggunakan teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sahaja.
- (c) Sekiranya khutbah yang ingin disampaikan selain daripada teks yang dibekalkan oleh JHEAINS, maka kebenaran bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pengarah JHEAINS.
- (d) Khutbah yang disampaikan tidak boleh menyentuh isu-isu politik kepartian dan sensitiviti kaum atau agama serta menjaga adab sopan dari segi bahas dan penyampaiannya.

### 5.3.4 Peraturan Mengadakan Aktiviti atau Program Dalam Kawasan Masjid dan Surau

Mana-mana masjid dan surau hendaklah memastikan aktiviti dan program yang dilaksanakan di dalam kawasan masjid mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut;

- (a) Setiap aktiviti atau program anjuran pertubuhan, persatuan, kelab dan seumpamanya yang ingin dilaksanakan di dalam kawasan masjid dan surau hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Agama Islam Daerah selewat-lewatnya 14 hari sebelum program dilaksanakan.
- (b) Aktiviti atau program ceramah, tazkirah, sesi penerangan dan program komuniti tidak mengandungi ucapan yang berbau politik kepartian atau unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.
- (c) Tidak dibenarkan untuk mengedar, menjual, menggantung, menampal, memacak sebarang bentuk penerbitan yang mengandungi fahaman, ideologi atau doktrin yang boleh menyentuh sensitiviti mana-mana pihak di bangunan masjid dan surau serta perkarangannya.
- (d) Dilarang menggunakan sebarang alat muzik di dalam ruang solat utama masjid dan surau.
- (e) Orang bukan Islam boleh memasuki masjid dan ruang solat dengan keizinan pihak pengurusan masjid dengan syarat menjaga perlakuan dan tingkahlaku agar tidak mencemarkan kesucian masjid.

## 6. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Seksyen 59 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengingkari, melanggar, membantah atau mencela kewibawaan, titah perintah atau arahan:-

- (a) Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS); dan
- (c) Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti.

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## 7. TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 14 Jun 2022

Pengarah  
Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus


## CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM/ CERAMAH

**TANGGUNGJAWAB**

**JHEAINS DAERAH**

**PROSES KERJA**

**NORMA KERJA**



## CONTOH BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM/ CERAMAH

Diperlukan membuat salinan untuk permohonan baru.



### BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM / CERAMAH

**1. ARAHAN KEPADA PEMOHON.**

- i. Permohonan diisi dalam 1 salinan dengan jelas dan tepat.
- ii. Permohonan hendaklah dibuat 14 hari sebelum program/ ceramah.
- iii. Permohonan hendaklah dihantar ke pejabat JHEAINS Daerah untuk diproses.
- iv. Penganjur program adalah bertanggungjawab sebagai pemohon.

**2. SENARAI SEMAK PERMOHONAN.**

- i. Permohonan diisi dalam 1 salinan dengan jelas dan tepat.

ii. **SATU SALINAN** surat tauliah / kebenaran ceramah agama dari Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan; atau

iii. **SATU SALINAN** kad tauliah mengajar bagi penceramah yang mempunyai tauliah dari Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

(untuk kegunaan pejabat sahaja)

a. Tarikh terima borang:

b. Pegawai penerima borang:

c. Bilangan permohonan

d. **KELULUSAN PEGAWAI AGAMA ISLAM DAERAH** .....  
Permohonan diluluskan / tidak diluluskan.

Tarikh:.....

.....  
(Tandatangan & Cap Rasmi)

<b>3. MAKLUMAT PENGANJUR PROGRAM</b>	
3.1 Nama Pemohon:	<input type="text"/>
3.2 No.Kad Pengenalan:	<input type="text"/>
3.3 Alamat Pemohon:	<input type="text"/>
3.4 No. Telefon Pemohon:	<input type="text"/>
3.5 No. WhatsApp Pemohon:	<input type="text"/>
3.6 Emel Pemohon:	<input type="text"/>
3.7 Nama Agensi/ NGO/ Masjid/ Surau/ DLL	<input type="text"/>
<b>4. MAKLUMAT PROGRAM</b>	
4.1 Nama Program:	<input type="text"/>
4.2 Tajuk Program:	<input type="text"/>
4.3 Tempat Program:	<input type="text"/>
4.4 Tarikh dan Masa Program:	<input type="text"/>
4.5 Bilangan Peserta:	<input type="text"/>
4.6 Sasaran Peserta:	<input type="text"/>
<b>5. MAKLUMAT PENCERAMAH</b>	
5.1 Nama Penceramah:	<input type="text"/>
5.2 No.Kad Pengenalan:	<input type="text"/>
5.3 Alamat:	<input type="text"/>
5.4 No.Telefon:	<input type="text"/>
5.5 No. Rujukan Tauliah:	<input type="text"/>
5.6 Pekerjaan:	<input type="text"/>
<b>6. PENGESAHAN MASJID/ SURAU/ AGENSI/ NGO</b>	
Saya sesungguhnya mengaku bahawa semua keterangan yang telah saya nyatakan dalam borang ini adalah benar dan betul.	
Tarikh:.....	..... (Tandatangan & Cap Rasmi)

Borang boleh dimuat turun di pautan:

<https://jheains.ns.gov.my/pengumuman/969-borang-penganjuran-program-dan-ceramah>





# 2

## GARIS PANDUAN PENGUNAAN MASJID LAMA DI NEGERI SEMBILAN



# GARIS PANDUAN PENGUNAAN MASJID LAMA DI NEGERI SEMBILAN

## 1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Penggunaan Masjid Lama di Negeri Sembilan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Masjid menurut pengertian umum adalah semua tempat yang digunakan untuk sujud. Dari aspek khusus masjid adalah sebuah bangunan yang didirikan sebagai tempat untuk menjalankan ibadah terutama solat berjemaah.
- 2.2 Berdasarkan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Masjid (Negeri Sembilan) 2002 menyatakan di antara fungsi-fungsi bagi masjid ialah :
  - 2.2.1 Tempat untuk orang Islam beribadah, terutamanya untuk mendirikan solat fardu lima waktu, solat Jumaat dan solat-solat lain;
  - 2.2.2 Pusat kegiatan Agama Islam, pendidikan dan perkembangan serta pembangunan ummah; dan
  - 2.2.3 Pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang Majlis dan maklumat lain.
- 2.3 Masjid Lama pula ialah masjid yang tidak lagi menjalankan fungsinya sebagai masjid dalam sesebuah kariah untuk menjalankan solat Jumaat dan solat fardu berjemaah secara tetap.

2.4 Di Negeri Sembilan terdapat Masjid Lama yang berusia melebihi seratus tahun. Antara sebab masjid ini tidak lagi digunakan ialah:

2.4.1 Masjid baru telah dibina bagi menggantikan masjid sedia ada;

2.4.2 Masjid tidak selamat diduduki atas faktor kerosakan struktur binaan; atau

2.4.3 Terdapat isu status pemilikan tanah kerana masjid dibina atas tanah milik persendirian.

### 3. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan adalah untuk:

- i. Menentukan fungsi dan limitasi penggunaan Masjid Lama sebagai tempat menjalankan aktiviti-aktiviti selain solat Jumaat dan solat fardu berjemaah;
- ii. Memastikan struktur bangunan dan persekitaran Masjid Lama terpelihara daripada kerosakan dan diselenggara secara teratur;
- iii. Memelihara kehormatan dan kesucian Masjid Lama daripada perkara-perkara yang negatif dan tidak bersesuaian di sisi syarak; dan
- iv. Menjadi panduan kepada Jawatankuasa Kariah Masjid untuk mengurus dan menyelia Masjid Lama di bawah kariah masing-masing berdasarkan peraturan yang dikuatkuasakan.

### 4. DASAR PENTADBIRAN

4.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dalam seksyen 100 (1) dan (104) (1) menyatakan bahawa

setiap masjid hendaklah ditadbirkan oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah dimana Nazir sebagai Pengerusi sesuatu masjid hendaklah mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid itu;

- 4.2 Bagi maksud ini, Masjid Lama di bawah sesebuah kariah hendaklah ditadbir dan dikawal selia oleh jawatankuasa dan pegawai masjid dalam kariah di mana Masjid Lama itu berada. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- 4.3 Pentadbiran dan penyeliaan terhadap Masjid Lama ini adalah meliputi perkara berikut:
  - (a) Memastikan keselamatan bangunan masjid, kawasan persekitaran, harta dan aset milik masjid;
  - (b) Memastikan tiada berlaku sebarang pencerobohan atau penggunaan masjid oleh mana-mana individu atau kumpulan tanpa kebenaran daripada jawatankuasa masjid;
  - (c) Memastikan masjid dan kawasan persekitaran sentiasa dalam keadaan bersih dan terpelihara;
  - (d) Melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan berkala terhadap kerosakan kecil pada bangunan masjid; dan
  - (e) Tidak membuat perubahan dan penambahan terhadap struktur bangunan sedia ada masjid tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

## 5. FUNGSI DAN PENGGUNAAN MASJID LAMA

5.1 Fungsi dan penggunaan Masjid Lama hendaklah berdasarkan tujuan wakaf atau apa-apa perkara dan maksud yang memberi manfaat kepada umat Islam khususnya ahli kariah. Penggunaan Masjid Lama adalah dibenarkan bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Tempat melaksanakan program-program pendidikan Agama Islam dan pendidikan lain kepada ahli kariah yang beragama Islam seperti Kelas Fardu Ain, kelas tahfiz atau mengaji al-Quran, kelas tuisyen dan seumpamanya;
- (b) Tempat melaksanakan program-program berbentuk latihan, bengkel dan kursus kemahiran yang bersesuaian seperti bengkel terapi solat, kelas jahitan, kelas masakan dan seumpamanya;
- (c) Tempat perlindungan sementara bagi kes-kes bencana alam yang berlaku seperti kebakaran, banjir termasuk pusat transit sementara bagi mangsa keganasan domestik; dan
- (d) Apa-apa fungsi lain yang berkaitan dengan kegiatan Agama Islam sebagaimana diluluskan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dari semasa ke semasa.

5.2 Walau apapun perkara atau maksud tujuan penggunaan Masjid Lama ini, ia tertakluk kepada peraturan-peraturan dan adab-adab yang bersesuaian dengan syarak. Oleh hal yang demikian, penggunaan Masjid Lama ini juga tidak boleh melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Menjadikan Masjid Lama sebagai rumah inap atau rumah musafir;

- (b) Menjadikan bangunan Masjid Lama atau sebahagian bangunannya sebagai tempat jual beli atau premis perniagaan; dan
- (c) Menggunakan Masjid Lama atau kawasan persekitarannya sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti yang mempunyai unsur yang melalaikan (lagha) dan pembaziran.

## 6. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Seksyen 59 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengingkari, melanggar, membantah atau mencela kewibawaan, titah perintah atau arahan:

- (a) Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS); dan
- (c) Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## 7. TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan Penggunaan Masjid Lama di Negeri Sembilan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2022.

Pengarah  
Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus



# 3

## **GARIS PANDUAN IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN**



# GARIS PANDUAN IKTIKAF DI MASJID DAN BERMALAM DI SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN

## 1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Iktikaf di Masjid dan Bermalam di Surau Seluruh Negeri Sembilan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Masjid dan surau berperanan bukan hanya bagi tujuan umat Islam mendirikan solat, bahkan sebagai tempat beriktikaf dan beribadah. Justeru, masjid dan surau juga dijadikan tempat atau lokasi penganjuran program iktikaf dan bermalam, sama ada dianjurkan oleh agensi kerajaan, swasta, pertubuhan, perkumpulan, jemaah dan persatuan.
- 2.2 Terdapat kecenderungan sesetengah pihak menggunakan masjid, sebahagian bangunan dan fasilitinya tanpa kebenaran dan pemakluman kepada pengurusan masjid dan surau. Rungutan dan aduan berkaitan kebersihan dan gangguan terhadap kelancaran program masjid disebabkan tiadanya penyelarasan dan panduan kepada pihak masjid/surau dan pihak penganjur.

## 3. TUJUAN

Garis Panduan Iktikaf di Masjid dan Bermalam di Surau Seluruh Negeri Sembilan diwujudkan sebagai rujukan kepada pentadbir jawatankuasa pengurusan masjid/surau dan pihak yang ingin menganjurkan program iktikaf di masjid dan bermalam di surau seluruh Negeri Sembilan bagi tujuan:

- i. Memastikan masjid/ surau digunakan selaras dengan fungsinya sebagai pusat ibadah, pusat kegiatan ilmu

dan pusat pembangunan ummah;

- ii. Memelihara masjid/ surau daripada unsur-unsur yang boleh memecah belahkan kesatuan ummah;
- iii. Memelihara kehormatan dan kebersihan masjid/ surau serta kawasannya;
- iv. Menyelaras program iktikaf di masjid dan bermalam di surau agar dapat dilaksanakan dengan teratur dan harmoni; dan
- v. Menjadi panduan kepada pengurus dan pentadbir masjid/ surau dalam melaksanakan tanggungjawab dan fungsi masing-masing berdasarkan peraturan yang dikuatkuasakan.

## 4. DASAR

### 4.1 Panduan Beriktikaf di Masjid

- (a) Memastikan Iktikaf hendaklah dilakukan di dalam masjid, bukan di surau, madrasah, musolla atau bangunan lain selain masjid;
- (b) Seseorang yang beriktikaf itu mestilah berniat iktikaf semasa hendak memulakan iktikaf;
- (c) Menyibukkan diri dengan ibadah seperti tilawah al-Quran, zikir, solat, tasbih dan seumpamanya;
- (d) Hendaklah sentiasa menjaga adab-adab semasa berada di dalam masjid;

- (e) Hendaklah sentiasa memelihara kebersihan ruang solat utama dan kawasan masjid;
- (f) Peserta iktikaf hendaklah bersama-sama mengikuti program anjuran masjid sedia ada;
- (g) Pakaian hendaklah digantung atau disimpan di ruangan tertutup dan tidak kelihatan di khalayak umum;
- (h) Peralatan, perkakas dan beg pakaian hendaklah disusun dan diletakkan di ruang tertutup;
- (i) Dibenarkan tidur di mana-mana ruang atau kawasan masjid kecuali di ruang solat utama; dan
- (j) Dibenarkan tidur di ruang solat utama dengan alas tebal atau berlapis untuk memelihara kebersihan masjid dengan syarat mendapat **kelulusan daripada jawatankuasa kariah masjid**.

#### 4.2 Panduan Bermalam di Surau

- (a) Menyibukkan diri dengan ibadah seperti tilawah al-Quran, zikir, solat, tasbih dan seumpamanya;
- (b) Hendaklah sentiasa menjaga adab-adab semasa berada di dalam surau;
- (c) Hendaklah sentiasa memelihara kebersihan ruang solat utama dan kawasan surau;
- (d) Peserta bermalam hendaklah bersama-sama mengikuti program anjuran surau sedia ada;

- (e) Pakaian hendaklah digantung atau disimpan di ruangan tertutup dan tidak kelihatan di khalayak umum;
- (f) Peralatan, perkakas dan beg pakaian hendaklah disusun dan diletakkan di ruang tertutup; dan
- (g) Dibenarkan tidur di ruang solat dengan alas tebal atau berlapik untuk memelihara kebersihan surau dengan syarat mendapat **kelulusan daripada jawatankuasa surau**.

#### **4.3 Penganjuran Program Iktikaf di Masjid dan Bermalam di Surau**

- (a) Mana-mana pertubuhan, perkumpulan, jemaah dan persatuan yang ingin menganjurkan program iktikaf di masjid dan bermalam di surau perlu mengisi borang permohonan kelulusan penganjuran program/ceramah yang disediakan oleh JHEAINS (Seperti di lampiran).
- (b) Program iktikaf di masjid atau bermalam di surau hendaklah mendapat sokongan daripada Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid/ surau sebelum kebenaran daripada Pegawai Agama Islam Daerah diperolehi selewat-lewatnya 14 hari sebelum program dilaksanakan;
- (c) Program yang melibatkan aktiviti mengajar sesuatu perkara yang berkaitan Agama Islam kepada umum seperti memberi ceramah, kuliah dan seumpamanya hendaklah mempunyai tauliah atau kebenaran khas mengajar agama yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan; dan

- (d) Pengisian program ceramah, kuliah, tazkirah atau bayan yang disampaikan tidak boleh menyentuh isu-isu politik kepartian dan sensitiviti kaum atau agama serta menjaga adab sopan dari segi bahasa dan penyampaiannya.

## 5. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Seksyen 59 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengingkari, melanggar, membantah atau mencela kewibawaan, titah perintah atau arahan:-

- (a) Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS); dan
- (c) Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## 6. TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan Iktikaf di Masjid dan Bermalam di Surau Seluruh Negeri Sembilan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2022.

Pengarah  
Jabatan Agama Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus


## CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM/ CERAMAH

**TANGGUNGJAWAB**

**JHEAINS DAERAH**

**PROSES KERJA**

**NORMA KERJA**



## CONTOH BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM/ CERAMAH

Diperlukan membuat salinan untuk permohonan baru



### BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM / CERAMAH

**1. ARAHAN KEPADA PEMOHON.**

- i. Permohonan diisi dalam 1 salinan dengan jelas dan tepat.
- ii. Permohonan hendaklah dibuat 14 hari sebelum program/ ceramah.
- iii. Permohonan hendaklah dihantar ke pejabat JHEAINS Daerah untuk diproses.
- iv. Penganjur program adalah bertanggungjawab sebagai pemohon.

**2. SENARAI SEMAK PERMOHONAN.**

- i. Permohonan diisi dalam 1 salinan dengan jelas dan tepat.

ii. **SATU SALINAN** surat tauliah / kebenaran ceramah agama dari Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan; atau

iii. **SATU SALINAN** kad tauliah mengajar bagi penceramah yang mempunyai tauliah dari Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

(untuk kegunaan pejabat sahaja)

a. Tarikh terima borang:

b. Pegawai penerima borang:

c. Bilangan permohonan

d. **KELULUSAN PEGAWAI AGAMA ISLAM DAERAH** .....  
Permohonan diluluskan / tidak diluluskan.

Tarikh:.....

(Tandatangan & Cap Rasmi)

<b>3. MAKLUMAT PENGANJUR PROGRAM</b>	
3.1 Nama Pemohon:	<input type="text"/>
3.2 No.Kad Pengenalan:	<input type="text"/>
3.3 Alamat Pemohon:	<input type="text"/>
3.4 No. Telefon Pemohon:	<input type="text"/>
3.5 No. <i>WhatsApp</i> Pemohon:	<input type="text"/>
3.6 Emel Pemohon:	<input type="text"/>
3.7 Nama Agensi/ NGO/ Masjid/ Surau/ DLL	<input type="text"/>
<b>4. MAKLUMAT PROGRAM</b>	
4.1 Nama Program:	<input type="text"/>
4.2 Tajuk Program:	<input type="text"/>
4.3 Tempat Program:	<input type="text"/>
4.4 Tarikh dan Masa Program:	<input type="text"/>
4.5 Bilangan Peserta:	<input type="text"/>
4.6 Sasaran Peserta:	<input type="text"/>
<b>5. MAKLUMAT PENCERAMAH</b>	
5.1 Nama Penceramah:	<input type="text"/>
5.2 No.Kad Pengenalan:	<input type="text"/>
5.3 Alamat:	<input type="text"/>
5.4 No.Telefon:	<input type="text"/>
5.5 No. Rujukan Tauliah:	<input type="text"/>
5.6 Pekerjaan:	<input type="text"/>
<b>6. PENGESAHAN MASJID/ SURAU/ AGENSI/ NGO</b>	
Saya sesungguhnya mengaku bahawa semua keterangan yang telah saya nyatakan dalam borang ini adalah benar dan betul.	
Tarikh:.....	..... (Tandatangan & Cap Rasmi)
2   2	

Borang boleh dimuat turun di pautan:

<https://jheains.ns.gov.my/pengumuman/969-borang-penganjuran-program-dan-ceramah>





**4**

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN  
KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (BAIT-NS (S) 700/1/18. JLD. 19 (24) dan akan mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pengarah JHEAINS.
- 1.2 Garis panduan ini terpakai bagi semua permohonan kutipan Khairat/ Derma/ Sumbangan/ Dana tetapi tidak termasuk apa-apa urusan berkaitan hal ehwal wakaf.
- 1.3 Mana-mana pemohonan yang tidak mengikut/ menepati syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini akan ditolak.

## **2. TUJUAN**

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan tatacara permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Sumbangan/ Dana Negeri Sembilan Darul Khusus seperti kehendak seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

## **3. TATACARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 3.1 Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana Negeri Sembilan Darul Khusus (JHEAINS/BPMS/D1).
- 3.2 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 18 tahun ke atas;
- (c) Pemohon atau wakil yang dinyatakan mestilah tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah;
- (d) Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh Agensi / Institusi / Pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa atau wakil yang sah;
- (e) Permohonan adalah bertujuan untuk menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat orang-orang Islam mengikut hukum syarak merangkumi pembangunan infrastruktur dan program-program keagamaan; dan
- (f) Bagi permohonan selain daripada tujuan di para 3.2(d-e) di atas, kelulusan permohonan adalah berdasarkan kepada pertimbangan kertas kerja yang dikemukakan.

3.3 Pemohon hendaklah melampirkan dokumen-dokumen berikut :

- a) Surat Permohonan Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana;
- b) Minit Mesyuarat Cadangan Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana dan Jumlah Kutipan Yang Diperlukan;
- c) Surat Kelulusan Membina atau mengubah suai/ naik taraf mana-mana Madrasah/ Surau/ Masjid/ Tanah Perkuburan Islam daripada pihak berkuasa berkaitan;

- d) Surat Kebenaran Pemilik Tanah (Jika berkenaan);
- e) Maklumat berkaitan Pemungut Yang Menjalankan Kerja-Kerja Mengutip Khairat/ Derma/ Sumbangan/ Dana:
  - i) Sekeping Gambar (Berukuran pasport);
  - ii) Salinan Kad Pengenalan;
- f) Surat Kebenaran Mengutip Khairat/ Derma/ Sumbangan/ Dana daripada Jabatan Pendidikan Negeri/ Kementerian Pendidikan Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi (Untuk permohonan Sekolah/ IPT sahaja);
- g) Surat Kebenaran Pembinaan Surau daripada Jabatan Pendidikan Negeri/ Kementerian Pendidikan Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi (Untuk permohonan Sekolah/ IPT sahaja);
- h) Salinan Penyata Bank Bulan Terkini pemohon.

3.4 Pemohonan Lanjutan Kebenaran Mengutip Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana hendaklah melampirkan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Surat Permohonan Lanjutan;
- (b) Salinan Penyata Bank Bagi Bulan Terakhir;
- (c) Laporan Kewangan Jumlah Pungutan Terkini;
- (d) Laporan Kemajuan Kerja Pembangunan Infrastruktur (Jika berkaitan).

#### **4. TEMPOH KEBENARAN KUTIPAN KHAIRAT/ DERMA/ SUMBANGAN/ DANA**

- 4.1 Tempoh pungutan derma khairat diberikan berdasarkan kepada perkara berikut :
- a) Tujuan pungutan derma khairat;
  - b) Jumlah Kutipan yang diperlukan.

#### **5. TINDAKAN SETELAH KEBENARAN DIPEROLEHI**

- 5.1 Tidak dibenarkan membuat sebarang Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana sebelum kebenaran bertulis dikeluarkan;
- 5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan lis-lis derma, kupon atau resit (bernombor siri) kutipan yang lengkap untuk dicap (Kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan) sebelum menjalankan kutipan;
- 5.3 Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana hendaklah dipungut secara sukarela tanpa unsur paksaan atau ugutan;
- 5.4 Pemungut-pemungut yang nama mereka tercatat dalam surat kebenaran sahaja dibenarkan untuk memungut kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam surat kebenaran;
- 5.5 Tabung Kutipan yang digunakan untuk mengutip khairat tidak dibenarkan ditinggalkan di mana-mana tempat awam tanpa kehadiran pemungut yang tercatat dalam surat kebenaran;
- 5.6 Tiada apa-apa kutipan dibenarkan di mana-mana tempat yang disifatkan mengganggu ketenteraman awam;
- 5.7 Kebenaran ini hanya terpakai di Negeri Sembilan sahaja;

- 5.8 Resit yang dikeluarkan tidak boleh menggunakan perkataan WAKAF dan hanya menggunakan perkataan KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA sahaja;
- 5.9 Pemohon hendaklah menyimpan rekod kewangan kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana dan rekod perbelanjaan dengan betul;
- 5.10 Pemohon hendaklah melaporkan jumlah kutipan terkini setiap bulan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan mengemukakan penyata jumlah kutipan yang terkumpul secara bertulis setelah tempoh kebenaran kutipan tamat;
- 5.11 Kutipan yang telah mencapai jumlah yang telah dibenarkan, hendaklah dilaporkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS);
- 5.12 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) berhak pada bila-bila masa untuk meminta rekod kewangan, keratan resit atau apa-apa yang berkaitan bagi tujuan pemeriksaan dan pengauditan;
- 5.13 Pemohon hendaklah mengurus dan menggunakan kutipan yang dipungut serta mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kebenaran yang dikeluarkan;
- 5.14 Permohonan bagi lanjutan tempoh kebenaran pungutan hendaklah dikemukakan melalui surat permohonan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan disertakan dengan dokumen seperti di para 3.4 SEBULAN sebelum kebenaran sedia ada tamat tempoh; dan

- 5.15 Kebenaran pungutan yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada undang-undang atau peraturan pihak berkuasa yang berkenaan dari semasa ke semasa.

## **6. WANG PUNGUTAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN**

- 6.1 Wang pungutan yang tidak dibelanjakan, hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) berdasarkan kepada seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- 6.2 Kegagalan untuk mematuhi arahan di bawah para 6.1 garis panduan ini boleh diambil tindakan di bawah seksyen 59 dan 109 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.

## **7. PEMBATALAN ATAU PENAMATAN**


Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) berhak menamatkan/ membatalkan kebenaran kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/ Dana yang diberikan.

## **8. TARIKH BERKUATKUASA**


Garis Panduan Permohonan Kebenaran Kutipan Khairat/ Derma/ Infak/ Sumbangan/Dana ini berkuatkuasa pada 1 November 2022.

Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus (JHEAINS)

**CARTA ALIRAN KERJA**  
**PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN**  
**KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**  
**(MASJID/ SURAU/ TANAH PERKUBURAN/ INSTITUSI / SEKOLAH)**



**CARTA ALIRAN KERJA  
PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN  
KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
(PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN/ AGENSI)**



## CONTOH BORANG PERMOHONAN KEBENARAN KUTIPAN KHAIRAT/ DERMA/ INFAK/ SUMBANGAN/ DANA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



JHEAINS-BPMS/ D1

**BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID DAN SURAU**  
**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**  
Jalan Yamtuan, 70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus  
No. Tel: 06-7664170/71 Faks: 06-7664160  
Emel : bpms.jheains@ns.gov.my

### BORANG PERMOHONAN KUTIPAN DERMA DI NEGERI SEMBILAN

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh Terima Borang

**PERHATIAN :-**

- 1) Sila isikan borang permohonan ini dengan **JELAS dan LENGKAP**.
- 2) Butir-butir maklumat hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR**.
- 3) Senarai semak untuk **DILAMPIRKAN** seperti berikut :-

Bil	Perkara	Tandakan (✓)
3.1	Borang Permohonan BPMS/ D1	
3.2	Surat Permohonan Kutipan Derma	
3.3	Minit Mesyuarat Yang Menyatakan Cadangan Kutipan Derma dan Jumlah Yang Akan Dilakukan.	
3.4	Surat Kebenaran Kelulusan Membina / Baik Pulih / Naik Taraf di Surau/Masjid/Tanah Perkuburan Islam (Kawasan JHEAINS), atau Kelulusan Membina PBT (Jika berkaitan)	
3.5	Salinan Kad Pengenalan Pengutip Derma	
3.6	Surat Kebenaran <b>Mengutip Derma</b> daripada Jabatan Pendidikan Negeri/Kementerian Pendidikan Malaysia. (Untuk permohonan Sekolah/IPT sahaja).	
3.7	Surat kebenaran <b>Pembinaan Surau</b> Sekolah daripada Jabatan Pendidikan Negeri/Kementerian Pendidikan Malaysia. (Untuk permohonan Sekolah/IPT sahaja).	

1 | Page

**Maklumat Permohonan :**

1. Nama : Masjid/Surau/Tanah Perkuburan/Iststitusi/Madrasah/Agensi/ lain-lain :

.....  
 .....

2. Alamat:

.....  
 .....

Negeri	Daerah	Dun	Parlimen	Kariah

3. No Tel/Fax : .....

4. No Rujukan/Pendaftaran : .....

5. Tujuan Permohonan : .....

.....

5.1. Pembinaan  5.2. Naik Taraf

5.3. Penyelenggaraan  5.4 Roboh dan Bina Baru

5.5 Lain-lain  ( Tandakan (√) pada yang berkenaan).

6. Jumlah Dana Yang Diperlukan : .....

7. Nama Bank : .....

8. No. Akaun : .....

9. Cara Kutipan Yang Akan Di Laksanakan:

a	Kupon		c	Lis Derma	
b	Resit		d	Surat Edaran Individu	

10. Status Tapak :

- |                   |                          |                |                          |
|-------------------|--------------------------|----------------|--------------------------|
| 10.1 Kerajaan     | <input type="checkbox"/> | 10.4 Institusi | <input type="checkbox"/> |
| 10.2 Wakaf        | <input type="checkbox"/> | 10.5 Swasta    | <input type="checkbox"/> |
| 10.3 Persendirian | <input type="checkbox"/> | 10.6 NGO       | <input type="checkbox"/> |

(Tandakan (✓) pada yang berkenaan)

11. Senarai Nama Pengutip Derma :

BIL	NAMA	NO. K/P	NO. TEL

Catatan: Sila lampirkan salinan kad pengenalan.  
Senarai penama tada nasi dan sila lampirkan halaiian bereaingan jika ruangan tidak mencukupi.

12. PERAKUAN PEMOHON :

Saya/kami sesungguhnya mengaku bahawa semua keterangan yang telah saya/kami nyatakan dalam permohonan ini adalah benar.

(Nama, Tandatangan dan Cop)

Tarikh:

13. ULASAN PEGAWAI AGAMA ISLAM DAERAH

(Nama, Tandatangan dan Cop)

Tarikh:

Borang boleh dimuat turun di pautan:

<https://jheains.ns.gov.my/pengumuman/970-borang-permohonan-kutipan-derma-di-negeri-sembilan>





**Diterbitkan oleh**

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan  
Jalan Yamtuan, 70000 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus**



@jheains.ns.gov.my



@jheainsofficial



@jheains.official



@jheains\_n9



jheains tv



@jheainsofficial